



جامعة الإسلامية العالمية ماليزيا  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA  
بُونِيْرِيْسْتَيْنِيْ اِسْلَامِيْ اِنْتَارَا بِعْسِيَا مِلِيْسْتَيْنِيْ

**KONSEP DAN REALITI PROFESION GUAMAN  
SHAR'I KE ARAH PENINGKATAN KUALITI**

**OLEH**  
**NOORAFIZAH BINTI ABDUL AZIZ**

**KERTAS PROJEKINI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT  
MEMPEROLEHI DIPLOMA UNDANG-UNDANG  
DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM**

**KULIYYAH UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
MALAYSIA**

**JUN 2000**

## ABSTRAK

Bidang Guaman *Shar'f* dianggap masih baru oleh masyarakat dan sedang berkembang pesat sebagai salah satu institusi profesional di Malaysia.

Umumnya institusi guaman *shar'f* di negara ini mempunyai persamaannya dengan institusi guaman sivil di dalam banyak aspek. Cuma terdapat kelemahan serta beberapa kekurangan di sudut-sudut tertentu khususnya melibatkan teknikal, sesuai dengan kewujudannya yang baru bertapak dan memerlukan kematangan secukupnya untuk maju berkembang.

Konsep guaman di dalam perspektif agama memang telah wujud dan diterima pakai sejak dahulu lagi. Walau bagaimanapun implementasinya di negara ini perlu diberi nafas baru, dengan masih mengekalkan konsep dan tujuan asal profesion tersebut diwujudkan.

Latihan Ilmiah ini akan cuba mengupas tentang konsep dasar bidang guaman *shar'f*, peranan dan kedudukan peguam *shar'f* dalam Islam dan realiti pemakaianya di Malaysia serta beberapa cadangan ke arah meningkatkan tahap profesionalisme bidang tersebut.

## **PENGAKUAN**

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang telah saya jelaskan sumbernya.



NOORAFIZAH BINTI ABDUL AZIZ

710421-01-5574

Kertas Projek ini didedikasikan khas kepada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Ianya adalah bertujuan mengembangkan ilmu *Shari'ah* untuk dikongsi bersama oleh para pengguna di seluruh negara kita.

Setinggi-tinggi penghormatan ditujukan khas buat Allahyarham Profesor Tan Sri Datuk Ahmad Ibrahim telah terlalu banyak menyumbangkan ilmu beliau dalam bidang undang-undang serta sekian lama telah bertungkus lumus demi memartabatkan perundangan Islam di Malaysia. Begitu juga kepada para pendokong seterusnya yang tidak jemu-jemu cuba mempastikan perundangan Islam tidak dicabuli.

Penghormatan dan jutaan terima kasih ini juga ditujukan khas untuk suami Mohd. Rafie Hj. Tibek, anak-anak Nur Afiqah, Nur Afifah Faizah, Nur Alya Adibah, Muhd. Haziq Afifi dan Naqib Islah Afifi tercinta serta seisi keluarga yang telah banyak memberi sokongan dan tiupan semangat sepanjang masa. Selain itu penghargaan ini ditujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyiapkan kertas projek ini. Begitu juga kepada kalian yang tekun Faiz, Nik dan Along. Terima Kasih.

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan kehadrat Allah S.W.T serta segala puji bagiNya kerana dengan keizinan, taufiq dan hidayahNya latihan ilmiah ini dapat penulis siapkan walaupun dalam serba kekurangan. Ianya merupakan syarat bagi memenuhi sebahagian keperluan kursus Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam ( D.A.I.J ) di Kuliyyah Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa.

Penulis dengan ini merakamkan jutaan terima kasih pertamanya kepada *al-fadil Ustadh* Sarip bin Adul selaku penyelia latihan ilmiah ini. Beliau sememangnya banyak membantu memberi bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat sepanjang proses penulisan ini dijalankan.

Seterusnya terima kasih juga kepada *al-fadil Ustadh* Dr. Ismail bin Mohd @ Abu Hassan yang turut membantu penulis menyempurnakan latihan ilmiah ini. Begitu juga kepada semua pihak yang terlibat dalam memberi kerjasama serta sokongan moral secara langsung atau sebaliknya. Semoga semuanya sentiasa dibawah lindungan dan taufiq Allah dan mendapat balasan yang sebaik-baiknya.

## **SENARAI KES**

Nafsiah lwn. Abdul Majid (1962) 2, MLJ 174

## **SENARAI STATUT**

Akta Penjagaan Kanak-kanak 1966

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Selangor, 1989

Kaedah-kaedah Peguam Syarie Selangor, 1991

Perlembagaan Persekutuan

## **SENARAI SINGKATAN KATA**

Bah.	-	Bahagian
Dr.	-	Doktor
D.B.P	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
hal.	-	halaman
jil.	-	jilid
J.P.M	-	Jabatan Perdana Menteri
K.L	-	Kuala Lumpur
Prof.	-	Profesor
S.A.W	-	Sallallah Alaihi Wassalām
S.W.T.	-	Subhanahu Wa Taālā
t.t.	-	tanpa tarikh

## **ISI KANDUNGAN**

<b>Abstrak</b>	<b>ii</b>
<b>Pengakuan</b>	<b>iii</b>
<b>Penghargaan</b>	<b>iv</b>
<b>Senarai Transliterasi</b>	<b>v</b>
<b>Senarai Kes dan Statut</b>	<b>vi</b>
<b>Senarai Singkatan kata</b>	<b>vii</b>
<b>Isi Kandungan</b>	<b>viii</b>

## **BAB SATU**

### **KONSEP WAKĀLAH DAN GUAMAN DARI PERSPEKTIF ISLAM**

1.1	DEFINASI <i>WAKĀLAH</i>	1
1.2	DALIL-DALIL PENSHARI'ATAN <i>WAKĀLAH</i>	3
1.3	RUKUN <i>WAKALĀH</i>	6
1.4	<i>WAKALĀH</i> DALAM BIDANG PERUNDANGAN (GUAMAN)	6
1.4.1:	<i>Reda</i> pihak lawan	7
1.4.2:	<i>Wakālah</i> dengan <i>iqrār</i>	7
1.4.3:	Menerima upah atau mengambil bayaran dari anakguam	8
1.4.4:	Kes-kes yang boleh diambil oleh seorang Peguam Sharī'	8
1.5	MASALAH WAKIL MEWAKILKAN PULA KEPADA ORANG LAIN	12
1.6	MASALAH PEMECATAN WAKIL ATAU PENARIKAN DIRI	13
1.7	KESIMPULAN	14

## BAB DUA

### PERANAN DAN KEDUDUKAN PEGUAM *SHAR'I* DI MALAYSIA

2.1	PENDAHULUAN	15
2.2	SEJARAH PROFESION GUAMAN	15
2.3	PERANAN PEGUAM <i>SHAR'I</i>	17
2.4	KEDUDUKAN PEGUAM <i>SHAR'I</i> DI MALAYSIA	21
2.5	TATATERTIB PEGUAM <i>SHAR'I</i>	24
2.6	KESIMPULAN	27

## BAB TIGA

### REALITI PERLAKSANAAN GUAMAN *SHAR'I* MASA KINI

3.1	PENDAHULUAN	28
3.2	REALITI PROFESION GUAMAN <i>SHAR'I</i> DI MALAYSIA	28
3.3	MASALAH DAN CABARAN	33
3.4	KE ARAH PENINGKATAN KUALITI GUAMAN <i>SHAR'I</i> DI MALAYSIA	36
3.4.1:	Pengetahuan Peguam <i>Shari'i</i> yang luas terhadap Undang-undang Islam	37
3.4.2:	Penulisan Berkaitan Kepeguaman <i>Shari'i</i>	39
3.4.3:	Pendedahan Sistem Kehakiman Melalui Kursus kepada Peguam <i>Shari'i</i>	39
3.4.4:	Penubuhan Jabatan Kehakiman <i>Shariah</i>	43
3.4.5:	Penyeragaman Kaedah-kaedah Peguam <i>Shari'i</i> seluruh Malaysia	44
3.5	RUMUSAN DAN PENUTUP	45

## BIBLIOGRAFI

### 1.1 DEFINASI WAKĀLAH

yang bererti menyerahkan dan pekerjaan wakil<sup>1</sup>.

*Wakalah* juga boleh didefinasikan sebagai menjaga, menjamin, melengkap dan menyerah. Apabila seseorang itu dikatakan ‘wakil’ maka maksudnya dia adalah penjaga, penjamin atau pelengkap kepada pekerjaan atau urusan yang diserahkan<sup>2</sup>.

*Wakalah* dari segi *syara'* pula ialah mendirikan seseorang kepada seseorang yang lain bagi dirinya secara *mutlaq* ataupun bersyarat<sup>3</sup>.

Istilah fiqh berkaitan dengan *wakālah* disebut dalam perkara 1449, Majallah al-Ahkām al-Adliyyah sebagai:

"Wakalah ialah penyerahan tugas seseorang kepada seseorang yang lain dan meletakkannya di tempatnya"<sup>4</sup>.

<sup>1</sup> Muhammad Idris Abdul Rauf Al Marbawi, (1935M-1354H), *Kamus Idris Al-Marbawi Arab-Melayu*, Mesir: Juzuk ke 2,1350 H. hal.397.

<sup>2</sup> Abdul Rahman al-Jaza'ri, *Kitāb al-fiqh al-ḥalāl al-Madhhabīt al-Arba'ah*, Beirut: Dar al-Fikr, 1392 Hijrah, Jilid 3.

Mahmud Saedon Awang Othman (Prof. Dato' Dr.), *Al-Ahkām: Penghakiman dan Kepeguanan*.

Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 1997 hal.41.

<sup>1</sup>Md Akhir Haji Yaacob, *Undang-undang Sivil Islam (terjemahan Al-Ahkam Al-'Adliyah)*, KL:DBP, 1994, hal 471.

Terdapat beberapa potong ayat Al-Quran yang jelas menyebut perkataan tawakkal dan wakil yang memberi maksud menjaga, menjamin, melangkau dan tempat menyerah. Ini bererti, seseorang itu dilantik menjadi wakil bererti telah diserahkan kepadanya urusan untuk dijaga, dijamin dan dilaksanakan.

Firman Allah S.W.T:

"اَلَا تَحْذِفُوا مِنْ دُونِي وَكِيلًا"

"Janganlah kamu mengambil penolong selain Aku".

(Surah al-Isra':2)

Di dalam ayat 173 Surah al-Imran Allah Ta'ala:

"وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ وَنَعَمُ الْوَكِيلُ"

"Lalu mereka berkata: Cukuplah Allah untuk menolong kami dan ia sebaik-baik wakil".

Selain daripada itu, 'ulama' fiqh Islam sendiri ada membuat definasi *wakālah* sebagaimana berikut:

## **1. Definasi oleh golongan Hanafi:**

Seseorang menggantikan seseorang lain di dalam sesuatu urusan yang diharuskan oleh *syara'* dan dimaklumi atau memberikan kuasa kepada seseorang untuk bertindak dan menjaga sesuatu perkara sebagai wakil.<sup>1</sup>

## **2. Definasi oleh kebanyakan 'ulama':**

Seseorang memberikan kuasa kepada orang lain untuk melakukan sesuatu yang ia sepatut melakukannya di dalam perkara yang boleh dilakukan oleh orang yang menggantikannya semasa hayatnya.<sup>2</sup>

## **1.2 DALIL-DALIL PENSYARIATAN WAKĀLAH**

Terdapat tiga sumber dalil-dalil penshariatan *wakālah* iaitu:

### **1. Al-Quran.**

Firman Allah S.W.T yang berbunyi:

"وَكُذلِكَ بَعْنَهُمْ لَيَسْأَلُوا بِنَهْمٍ قَالَ قَاتِلُهُمْ كَمْ لَبِسْتُمْ قَالُوا لَبِسْنَا يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ قَالُوا رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا لَبِسْتُمْ فَابْعُثْنَا إِحْدَكُمْ بِرُورَكُمْ هَذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ فَلِيَنْظُرْ إِلَيْهَا أَزْكِي طَعَامًا فَلَيَاتَكُمْ بِرَزْقٍ مِنْهُ وَلَا يَتَطَلَّفْ وَلَا يَشْعُرُنَّ بِكُمْ أَحَدًا"

<sup>1</sup> Abdul Rahman al Jaza'ri, *Kitab al fiqh 'alá al-Madhabib al-Arba'ah*, hal. 168

<sup>2</sup> Ibid

Maksudnya:

*“Dan demikianlah Kami bangunkan mereka agar mereka saling bertanya antara mereka sendiri. Berkatalah salah seorang antara mereka, “Sudah berapa lamakah kamu berada di sini. Mereka menjawab, “Kita berada di sini sehari atau setengah hari.” Berkatalah yang lain lagi,” Tuhan kamu lebih mengetahui berapa lamanya kamu berada disini, maka suruhlah salah seorang daripada kamu pergi ke kota dengan membawa perakmu ini, lalu hendaklah dia lihat manakah makanan yang lebih baik, maka hendaklah dia membawa makanan dari yang lebih baik itu untukmu; dan hendaklah dia berlaku lemah lembut (hati-hati) dan janganlah sekali-kali menceritakan halmu kepada seseorang pun”.*

(Surah al-Kahfī 18:19)

Ayat ini telah menceritakan bahawa Allah telah menidurkan *Ashābul Kahfī* selama beratus-ratus tahun lamanya dalam keadaan sihat dan selamat, demikian juga mereka bangkit dalam keadaan tidak terjejas sedikit pun, sehingga mereka sendiri tidak menyedari apa yang telah terjadi kepada mereka bahkan ada di antara mereka yang menyangka bahawa mereka tidur hanya sehari atau kurang dari itu<sup>1</sup>

Apabila mereka terbangun dari tidur, mereka telah mengutus seorang dari kalangan mereka sebagai wakil ke bandar dengan membawa wang perak untuk membeli-belah makanan untuk dimakan. Utusan tersebut bertindak sebagai wakil mereka untuk tujuan tersebut.

---

<sup>1</sup>Tafsir Pimpinan ar-Rahmān, Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri, 1980, hal. 719.

Ayat ini menjelaskan bahawa boleh bertindak sebagai wakil di dalam sesuatu urusan seperti membeli-belah.

## 2. As-Sunnah (Hadis Rasulullah S.A.W)

Daripada Uqbah bin Amir, katanya, Rasulullah s.a.w menyerahkan kambing dan biri-biri kepadanya untuk dibahagi-bahagikan kepada para sahabat beliau. Maka tinggal seekor anak kambing, lalu dilaporkan kepada Nabi s.a.w yang bermaksud:

*"Sembelihlah korban untukmu sendiri".*

(Sahih al-Bukhari)<sup>1</sup>

Para *fuqahā'* bersepakat tentang harusnya *wakālah* kerana Nabi s.a.w sendiri telah mewakilkan ‘Amru bin Umayyah untuk menerima ‘aqad pernikahannya dengan Ummu Habibah binti Abi Suffian.<sup>2</sup>

## 3. *Ijma‘al-Ulama'*

Mewakilkan orang lain dalam semua perkara adalah harus hukumnya kerana tidak mungkin semua orang mampu sampai kepada hajat yang dihajatinya dengan usaha sendiri malah kadangkala ia berhajat kepada bantuan atau kerjasama orang lain untuk memenuhi hajat tersebut. Oleh yang demikian

<sup>1</sup> Abdul Karim Zaydan (Dr), *Nizām al-Qadā'*, Beirut: Dar al-Bashir, 1995, hal. 129.

<sup>2</sup> Mahmud Saedon Awang Othman (Prof. Dato' Dr), *Al-Ahkām, Penghakiman dan Kepeguanan*, KL:DBP, Jilid 5, hal. 44.

*Ulama*<sup>c</sup> telah bersepakat mengharuskan *wakalah*. Adalah harus melantik wakil selama mana ianya diharuskan oleh *Shara*<sup>1</sup>

### **1.3 RUKUN WAKĀLAH**

*Wakalah* terdiri daripada empat rukun berikut:

1. Orang yang mewakilkan (الكل)
2. Orang yang menerima wakil (وكيل)
3. Perkara atau benda yang diwakilkan (لوكل به)
4. *Al-sighah* atau lafaz *ijāb* dan *qabūl*<sup>2</sup>

### **1.4 WAKĀLAH DALAM BIDANG PERUNDANGAN (GUAMAN).**

Skop *wakalah* adalah terlalu luas. Setelah kita ketahui serba sedikit latarbelakangnya seperti Penulis bentangkan sebelum ini, Penulis ingin terus membawa perhatian kepada penghususan tugasan ini iaitu *wakalah* dalam bidang guaman. (*Wakalah bi al-khusūmah*)

---

<sup>c</sup>Jamal Sidiq al-Marsafawi, *Nizām al-Qaḍā' Fi al-Islam, I'rādah al-Thaqafah Wa al-Nashr*, Jami'ah Imam Muhammad, Saudi Arabia, 1984, hal. 67.

<sup>1</sup>di sisi Imam Abu Hanifah rukun'akad *wakalah* cuma *as-sighah* sahaja. Adapun yang lain hanyalah eperluan '*aqad* dan bukan rukun.

#### **1.4.1: Redha Pihak Lawan**

Setiap orang yang mendakwa (الدعي عليه) dan orang yang didakwa (المدعى عليه) boleh mewakilkan sesiapa sahaja yang ia suka sebagai wakil untuk perbicaraan, Imam Syafi'i, Imam Abu Yusof dan Muhammad dari Madhhab Hanafi tidak mensyaratkan persetujuan (redha) dari pihak lawannya. Adapun Imam Abu Hanifah mensyaratkannya<sup>1</sup>

#### **1.4.2: Wakalah dengan *iqrār***

Pengakuan (*iqrār*) yang dibuat oleh seseorang yang menjadi wakil untuk perbicaraan terhadap orang yang mewakilkannya, hendaklah dibuat di hadapan hakim. Jika tidak dibuat di hadapan hakim *wakalah* tersebut dianggap tidak *sah*<sup>2</sup>. Jika perlantikan untuk mewakili seseorang itu tidak diberi kuasa dari orang yang mewakilkan itu untuk membuat pengakuan tentang dirinya, ia masih dianggap *sah*. Sekiranya dibuat juga *iqrār* tanpa izin orang yang mewakilkan tadi maka ia dikira tidak *sah* dan terbatallah *wakalahnya*.

---

<sup>1</sup> Mohammad Mahmud bin Ahmad, al-Binayah, Al-'Aini, Lubnan : Dar- al-Fikr, t.t. jil. 8, hal. 354

<sup>2</sup> Md Akhir Haji Ya'cob, *Undang-undang Sivil Islam (terjemahan al-Ahkām al-'Adliyyah)*, Perkara 1517, KL DBP, 1994, hal. 497.

#### **1.4.3: Menerima Upah atau Mengambil Bayaran dari anakguam**

Seseorang wakil yang menerima *wakālah* (Peguam) daripada orang yang mewakilkannya (anakguam) di dalam sesuatu perbicaraan tidak mempunyai hak atau kuasa menerima harta yang telah diputuskan oleh Mahkamah sekiranya dia tidak diwakilkan untuk menerima juga. Tetapi sebaliknya *wakālah* untuk menerima harta tersebut tidak merupakan *wakālah* untuk menghadiri perbicaraan di Mahkamah dan wakil untuk perbicaraan bukan wakil untuk perdamaian. Akan tetapi sekiranya wakil (Peguam) itu diberi keizinan dan atas persetujuan kedua-dua belah pihak maka ia dibolehkan untuk membuat *ṣulh*.

#### **1.4.4: Kes-kes yang boleh diambil oleh seorang Peguam Sharī'i**

Apabila seseorang melantik (anakguam) wakilnya (peguam) dalam sesuatu kes samada untuk mendakwa atau menjawab dakwaan, maka tindakan menerima *wakālah* itu adalah *sah*. Walaubagaimanapun terdapat perbezaan cara menurut empat madhab:

##### **1. Pendapat Imam Shafī'i**

Menurut madhab Shafī'i, wakalah guaman adalah *sah* tetapi orang yang menerima wakil guaman tidak boleh melakukan *iqrār*, *ṣulh*, melepaskan hutang dan tidak boleh menerima bayaran hutang<sup>1</sup>.

---

<sup>1</sup>Md Akhir Haji Ya'cob, *Undang-undang Sivil Islam (terjemahan al-Aḥkām al-'Adliyyah)*, *Ibid.* hal. 203.

## **2. Pendapat Imam Malik.**

Syarat-syarat *sah* orang yang menerima wakil untuk melakukan guaman adalah seperti berikut:

- (a) Peguam yang dilantik bagi mewakili seseorang anakguam itu hendaklah seorang sahaja bagi sesuatu kes. Tidak *sah* melantik lebih daripada seorang melainkan dengan izin pihak lawan.
- (b) Peguam yang dilantik bukan daripada golongan seteru atau musuh kerana ia akan melakukan perkara yang berlawanan dengan kepentingan.
- (c) Tugas-tugas kepada Peguam atau wakil tadi hendaklah ditentukan. Jika anakguam menyebut "Aku wakillkan kepada engkau semua urusan berkenaan guaman orang yang melawan aku" maka wakalah tersebut adalah tidak *sah*.
- (d) Sekiranya orang yang mewakilkann (anakguam) telah tiga kali atau lebih menghadiri perbicaraan kesnya sendiri, kemudian barulah dia ingin melantik peguam maka perlantikan itu tidak *sah* kerana kesnya telah berpanjangan kecuali jika dia uzur setelah hadir tiga kali itu seperti sakit, musafir atau ikhtilaf. Dalam kes ini anakguam dikehendaki bersumpah atas alasan yang diberikan. Jika enggan bersumpah, keredaan pihak lawan adalah diperlukan.

- (e) Wakil atau Peguam itu pula tidak boleh menarik diri setelah tiga kali menghadiri perbicaraan kes anakguamnya melainkan atas sebab uzur dan dia juga dikehendaki bersumpah. Sekiranya perbicaraan yang dihadiri kurang daripada tiga kali maka anakguamnya boleh memecatnya atau dia boleh menarik diri. Manakala pihak lawan pula boleh melantik peguam tadi kecuali jika terdapat tanda-tanda permusuhan maka perlantikannya tidak sah.
- (f) Apabila sesuatu kes telah selesai dan anakguam hendak membuat perbicaraan kes yang baru, maka *wakālah* yang lama terhadap Peguam yang terdahulu itu adalah sah dengan syarat *wakālah* yang lama tidak mengkhususkan kes yang tertentu atau tempoh masa yang tertentu. Sekiranya ditentukan secara khusus dan jika tempoh telah melebihi enam bulan maka hendaklah menggunakan *wakālah* yang baru. Sekiranya kes itu berhubungan maka peguam boleh meneruskan kes tersebut walaupun dalam jangka masa yang panjang.
- (g) Wakil atau Peguam tidak boleh membuat *iqrār* atau pengakuan bagi pihak orang yang diwakilinya (anakguam) kecuali ia dinyatakan dalam *wakālah*. Peguam berhak membuat *iqrār* dalam keadaan *wakālah mufāwādah* iaitu dalam tiga keadaan:
1. *Iqrār* yang dibuat hendaklah munasabah dan tidak boleh melampaui munasabah
  2. *Iqrār* termasuk dalam perkara yang dipertikaikan

3. Tidak boleh membuat *iqrār* bagi pihak orang lain kerana ada tohmahan.

### **3. Pendapat Imam Abu Hanifah.**

*Wakālah* boleh dilakukan bagi menjalankan guaman. Anakguam pula boleh melantik seorang atau lebih wakil atau peguam bagi pihaknya. Selain daripada itu pendapat Imam Abu Hanifah ini juga berbeza dengan pendapat Imam Mohammad dan Imam Abu Yusof, di mana perlantikan bagi mewakilinya dalam sesuatu kes hendaklah atas kerejaan pihak lawan sedangkan *wakālah* ini harus samada pihak lawan *ređa* atau tidak.

Terdapat juga pendapat Imam Abu Hanifah yang menyerahkan perkara ini kepada *Qādi*. Jika difikirkan memudaratkan maka ia boleh ditolak. Hal ini berbeza dengan kes pemerintah yang menjadi salah satu pihak dalam guaman. Ia boleh melantik wakilnya tanpa mendapat kereaan daripada pihak lawan. Begitu juga orang yang sakit, ia boleh melantik wakilnya tanpa persetujuan pihak lawan.<sup>11</sup>

---

<sup>11</sup> Md Akhir Haji Ya'cob, *Undang-undang Sivil Islam (terjemahan al-Ahkām al-'Adliyyah)*, Ibid. hal. 200-201.

#### **4. Pendapat Imam Ahmad Ibn Hanbal**

*Wakālah* juga harus dalam kes-kes guaman. Walaubagaimanapun tidak harus kedua-dua pihak wakil dan anakguam tidak harus menerima sebarang bayaran melainkan dinyatakan dalam ‘aqad.

### **1.5 MASALAH WAKIL MEWAKILKAN PULA KEPADA ORANG LAIN.**

Apabila seseorang yang telah dilantik menjadi wakil kemudian dia melantik pula seseorang yang lain maka taukilnya adalah *sah*. Para ‘ulama berselisihan pendapat tentang keadaan-keadaannya iaitu:

#### **1. Pendapat Imam Shafī‘ī**

Adalah *sah* hukumnya bagi orang yang telah dilantik melantik pula seorang yang lain walau tanpa izin orang yang melantik atas sebab tidak mampu atau tidak layak menguruskan perkara yang diamanahkan itu. Akan tetapi selain dari keadaan tersebut adalah tidak boleh mewakilkan kepada orang lain kecuali setelah mendapat izin orang yang mewakilkan.

#### **2. Pendapat Imam Malik**

Madhab Maliki mensyaratkan dua keadaan ini bagi mengesahkan seorang yang telah dilantik sebagai wakil melantik seorang lain pula menggantikannya iaitu:

- 2.1: Wakil atau peguam yang dilantik itu tidak layak melakukan perkara yang diberikan.
- 2.2: Urusan yang diberikan kepada wakil itu terlalu banyak maka ia boleh melantik orang lain untuk membantu.

### **3. Pendapat Imam Abu Hanifah**

Madhhab Hanafi juga mengharuskan wakil yang telah dilantik mewakilkan pula kepada orang lain meskipun tanpa izin.

### **4. Pendapat Imam Ahmad Ibn Hanbal**

Sekiranya seseorang yang telah dilantik itu mampu melaksanakan urusan dengan sendiri maka adalah tidak harus ia melantik orang lain dengan keizinan orang yang memberi wakil.<sup>1</sup>

## **1.6 MASALAH PEMECATAN WAKIL ATAU PENARIKAN DIRI.**

Menurut Majallah Al-Ahkām Al-‘Adliyah masalah pemecatan wakil ini disebut dalam perkara 1521 hingga perkara 1530.

Orang yang mewakilkan boleh memecat wakilnya daripada *wakālah* sekiranya hak orang lain tidak bergantung kepadanya begitu juga wakil boleh menarik diri sekiranya tiada hak orang lain bergantung padanya. Sekiranya

---

<sup>1</sup>Abdul Rahman al-Jaza'ri, *Kitāb al-Fiqh alā al-Madhabib al-Arba'ah*, Jilid 3, Beirut: Dar al-Fikr, hal. 203-206

terdapat hak orang lain dia terpaksa menyempurnakan *wakālah*. (Perkara 1521 dan perkara 1522).

Seseorang wakil dianggap telah terlucut *wakālahnya* sehingga notis pemberitahuan sampai ke tangannya. Begitu juga jika dia hendak menarik diri, surat pemberitahuan itu mesti sampai kepada orang yang melantiknya barulah dianggap gugur *wakālahnya*. *Wakālahnya* sah sehingga orang yang melantik itu mengetahui perletakan jawatan tersebut. (Perkara 1523 dan 1524)

Setiap *wakālah* itu berakhir dengan selesainya urusan atau kes yang diwakili dan secara automatik juga dikira terlucut *wakālahnya*. (Perkara 1526).

Sekiranya salah satu pihak samada orang yang mewakilkan (anakguam) atau wakil (pegum) meninggal dunia secara rasminya *wakālah* tersebut terbatal. (Perkara 1527 dan 1528). *Wakālah* juga terbatal sekiranya orang yang mewakilkan atau yang dilantik mewakili itu gila. (Perkara 1530).

## 1.7 KESIMPULAN,

Islam merupakan cara hidup yang lengkap dan unggul. Oleh itu setiap peraturan yang diberikan adalah terperinci dan teratur. Begitu juga dalam Bab *Wakālah* ini. Bukan setakat *wakālah* dalam bidang guaman malah ia merangkumi aspek *wakālah* dalam jual beli, nikah dan sebagainya. Oleh sebab itu kita semestinya memperjuangkan ketinggian martabat undang-undang Islam agar ia tidak diperlecehkan, diremehkan atau diperkecilkan samada oleh orang Islam sendiri atau orang kafir lebih-lebih lagi.

## **BAB DUA**

### **PERANAN DAN KEDUDUKAN PEGUAM *SHAR'I* DI MALAYSIA**

2.1	PENDAHULUAN	15
2.2	SEJARAH PROFESION GUAMAN	15
2.3	PERANAN PEGUAM <i>SHAR'I</i>	17
2.4	KEDUDUKAN PEGUAM <i>SHAR'I</i> DI MALAYSIA	21
2.5	TATATERTIB PEGUAM <i>SHAR'I</i>	24
2.6	KESIMPULAN	27